

Newspaper	Berita Harian
Date	30/07/2017C

# Gembar-gembur Tun M jadi PM 'wayang' DAP

BH - 30/7/2017. pg. 6

➔ Rakyat perlu faham permainan politik dipentaskan pembangkang

Oleh Hamzah Osman  
bhnews@bh.com.my

✦ Langkawi

**G**embar-gembur kononnya Tun Dr Mahathir Mohamad, bakal menjadi Perdana Menteri, sekiranya pakatan pembangkang menang dalam Pilihan Raya

Umum Ke-14 (PRU-14) disifatkan sebagai 'wayang' yang dimainkan DAP.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil, berkata rakyat perlu memahami kedudukan sebenar permainan politik yang sedang dipentaskan pembangkang.

## 'Pak turut' DAP.

Katanya, hakikat sebenar dalam pakatan pembangkang ialah tiga parti iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Amanah Negara (PAN) adalah 'pak turut' kepada DAP.

Kenyataan mengatakan Tun Dr Mahathir Mohamad akan dilantik sebagai Perdana Menteri hanya khayalan semata-mata, yang bertujuan untuk memancing undi dalam PRU-

14 akan datang.

"Kita percaya Lim Kit Siang (Ketua Parlimen DAP) yang akan membuat keputusan akhir berkaitan calon Perdana Menteri kerana DAP memiliki kerusi (Parlimen) terbanyak dalam pakatan pembangkang, manakala parti lain akan menjadi pak turut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Perasmian Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian Langkawi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LI-CC) di sini.

Shahrizat berkata, pihaknya percaya Kit Siang banyak bermain kisah dongeng dalam isu siapa Perdana Menteri daripada pakatan pembangkang, sedangkan beliau sebenarnya mahukan jawatan itu.